

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d menegaskan hari ini, masalah Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar akan diselesaikan secepat mungkin.

Perdana Menteri memberitahu Berita Harian, "Saya tidak mahu bercakap banyak dalam masalah tersebut tetapi apa yang pasti isu tersebut akan diselesaikan secepat mungkin."

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kedudukan Haji Abdul Rahim sebagai Menteri Besar Pahang.

Meskipun beliau enggan mengulas lebih lanjut dengan masalah tersebut beliau tidak menafikan kemungkinan Haji Rahim terus memegang jawatan Menteri Besar Pahang.

Menemui

"Tunggulah," katanya sambil tersenyum, "Dan jangan tanya banyak-banyak lagi."

Haji Rahim lewat petang semalam mengunjungi Pejabat Perdana Menteri kira-kira pukul 6 petang, tetapi tidak dapat menemui Perdana Menteri yang bertemu dengan wakil-wakil Pergerakan Pemuda MCA Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengesahkan Haji Rahim tidak

Soal MB Pahang akan beres, kata Dr.M

Oleh JAMALUDIN ABU BAKAR
NAJIB ABDUL RAHMAN

menemui beliau petang semalam.

Beliau dijangka menemui Perdana Menteri selepas cuti awal Muharam dan diikuti pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

Isu Menteri Besar menjadi hangat bila Haji Rahim diminta mengikut rombongan Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu selama tiga bulan.

Satu sumber berkata, kunjungan Menteri Besar itu ke Pejabat Perdana Menteri itu hanya merupakan perjumpaan blasa sahaja.

Haji Abdul Rahim menemui Datuk Seri Dr. Mahathir sebelum beliau berlepas ke Mekah dahulu, tentulah dia per-

lu melapor diri kepada Perdana Menteri itu selepas beliau pulang.

Pemerhati-pemerhati di sini mensifatkan pemergian Haji Abdul Rahim ke Tanah Suci itu sebagai satu jalan menyefukkan keadaan serta memberi masa kepada pucuk pimpinan UMNO untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Sebelum berlepas ke Kuantan Haji Abdul Rahim sempat menemui seramai 11 orang penuntut Pahang dari Universiti Malaya di Lapangan Terbang Subang pagi ini.

Dalam pertemuan selama kira-kira 20 minit itu Haji Abdul Rahim telah bertukar-tukar pendapat serta memberi kata-kata nasihat kepada mereka.